

3757/1
Ekonomi Asas
Kertas 1
Sept. 2009
1 ½ jam



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

EKONOMI ASAS

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
 2. *Jawab semua soalan.*
 3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
 4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
 5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
 6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*
 7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat sebelah

SULIT

- 1 Apakah tujuan firma membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah ekonomi?
 - A Memaksimumkan hasil
 - B Memaksimumkan jualan
 - C Memaksimumkan output
 - D Memaksimumkan keuntungan
- 2 Gambar 1 menunjukkan satu jenis barang dalam ekonomi.



Gambar 1

- Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan ciri barang tersebut?
- A Penawaran tidak terhad
 - B Dikeluarkan oleh kerajaan
 - C Tidak mempunyai kos lepas
 - D Ada pengecualian penggunaan
- 3 Pernyataan berikut berkaitan dengan Syarikat XYZ.

Mengeluarkan pakaian batik dengan menggunakan intensif buruh untuk menjamin kualiti pengeluarannya.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh syarikat tersebut?

- I Untuk siapa dikeluarkan
 - II Apa yang hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Berapa yang hendak dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi di negara Z.

- Wujud persaingan harga dan bukan harga antara firma.
- Motif pengeluar untuk mendapat untung maksimum.

Apakah sistem ekonomi negara Z?

- A Sistem ekonomi Islam
 - B Sistem ekonomi kapitalis
 - C Sistem ekonomi campuran
 - D Sistem ekonomi perancangan pusat
- 5 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan motif pengeluaran dalam sistem ekonomi campuran?
- A Memaksimumkan keuntungan
 - B Memaksimumkan kebajikan masyarakat
 - C Mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat
 - D Memaksimumkan keuntungan dan kebajikan masyarakat
- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pemilihan suatu pekerjaan.

Encik Amir baru menamatkan pengajian dalam bidang kejuruteraan di sebuah universiti tempatan. Walaupun kurang berminat dalam bidang insurans, beliau telah menerima tawaran bekerja di sebuah syarikat insurans.

Antara yang berikut, yang manakah **bukan** faktor yang mempengaruhi Encik Amir memilih pekerjaan tersebut?

- A Pengaruh keluarga
 - B Kelayakan akademik
 - C Suasana tempat kerja
 - D Keadaan ekonomi semasa
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis pendapatan.

Encik Hamdan bekerja sebagai kontraktor dan isterinya membuka sebuah restoran. Mereka menyimpan 30 peratus daripada pendapatan yang diterima di Bank Islam.

Apakah jenis pendapatan mereka?

- A Upah dan faedah
- B Untung dan dividen
- C Upah, untung dan faedah
- D Upah, untung dan dividen

[Lihat sebelah

- 8 Jadual 1 menunjukkan pendapatan Puan Laily dan harga purata barang pada bulan Januari dan Julai tahun 2008.

Bulan	Pendapatan (RM)	Harga purata barang (RM)
Januari	2 120	106
Julai	2 725	109

Jadual 1


- Berapakah peratus perubahan upah be: Puan Laily pada bulan Julai?
- A Meningkat sebanyak 20%
- B Berkurang sebanyak 20%
- C Meningkat sebanyak 25%
- D Berkurang sebanyak 25%
- 9 Jadual 2 menunjukkan butiran pendapatan dan pembayaran Encik Kamil pada suatu tahun.

Butiran	RM
Pendapatan tahunan	34 000
Elauan perkhidmatan	3 600
Perbelanjaan tahunan	15 000
Cukai pendapatan	400
Ansuran kereta	4 800
Perubatan ibu	1 500
Bayaran zakat	300
Caruman KWSP	3 060

Jadual 2

- Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Kamil.
- A RM22 600
- B RM30 240
- C RM32 340
- D RM33 840
- 10 Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang kehendak manusia?
- A Perlu untuk terus hidup
- B Sama bagi setiap individu
- C Tidak semestinya dipenuhi
- D Harga barang dikawal oleh kerajaan

- 11 Gambar 2 menunjukkan perbelanjaan peribadi Puan Aina.



Gambar 2

Perbelanjaan tersebut adalah perbelanjaan terhadap


- A barang makanan
 - B barang keperluan
 - C barang tahan lama
 - D barang tidak tahan lama
- 12 Jadual 3 menunjukkan kuantiti diminta suatu barang pada pelbagai tingkat harga. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan hukum permintaan?

	Harga (RM)		Kuantiti diminta (unit)	
	Asal	Baru	Asal	Baru
A	3	5	120	90
B	4	6	100	120
C	5	3	70	60
D	3	2	55	55

Jadual 3

[Lihat sebelah

- 13 Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang. Keluk DoDo ialah keluk permintaan asal.



Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan pergerakan titik dari a ke b?

- I Harga barang itu jatuh
 - II Harga barang pengganti naik
 - III Pendapatan individu meningkat
 - IV Harga dijangka jatuh pada masa hadapan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan barang M.

Pada tingkat harga RM3, kuantiti diminta sebanyak 1 000 unit. Harga barang M telah meningkat sebanyak 20 peratus. Nilai pekali keanjalan barang tersebut ialah 2.

Apakah kesan kenaikan harga ke atas permintaan barang M?

- A Permintaan akan berkurang sebanyak 200 unit
- B Permintaan akan berkurang sebanyak 400 unit
- C Permintaan akan bertambah sebanyak 200 unit
- D Permintaan akan bertambah sebanyak 400 unit

- 15 Jadual 4 menunjukkan pekali keanjalan permintaan bagi barang X dan barang Y.

Jenis barang	Pekali keanjalan permintaan
X	1.5
Y	0.2

Jadual 4

Apakah strategi yang perlu diambil oleh pengeluar untuk meningkatkan keuntungan?

- A Menaikkan harga barang Y dan menaikkan harga barang X
 B Menaikkan harga barang X dan menurunkan harga barang Y
 C Menurunkan harga barang X dan menaikkan harga barang Y
 D Menurunkan harga barang Y dan menurunkan harga barang X
- 16 Pernyataan berikut berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek.

$$X + Y = \text{Output}$$

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Kos tetap	Kos berubah
B	Input tetap	Input berubah
C	Tapak kilang	Mesin
D	Buruh	Bahan mentah

- 17 Jadual 5 menunjukkan keluaran dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)
0	90
1	180
2	280


Jadual 5

Antara yang berikut, yang manakah **benar** berkaitan dengan firma tersebut?

- I Kos tetap firma sebanyak RM100
 II Firma beroperasi dalam jangka pendek
 III Kos sut pada unit keluaran kedua ialah RM100
 IV Firma hanya menanggung kos berubah dalam keluarannya
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV


[Lihat sebelah

- 18 Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran bagi barang M.



Antara yang berikut, yang manakah menerangkan keluk penawaran tersebut?

- A Keluk SS mencerun ke atas dari kanan ke kiri
 - B Kejatuhan harga barang M akan meningkatkan kuantiti ditawarkan
 - C Apabila kuantiti ditawarkan bagi barang M bertambah, harga akan meningkat
 - D Keluk SS menunjukkan hubungan positif antara harga dengan kuantiti ditawarkan
- 19 Rajah 3 menunjukkan penawaran terhadap barang T.



Kuantiti penawaran berubah dari Q_0 ke Q_1 disebabkan oleh kenaikan

- A upah buruh
- B harga barang P
- C pendapatan pengguna
- D pemberian subsidi kerajaan


- 20 Jadual 6 menunjukkan peratus perubahan harga dan pekali keanjalan harga penawaran bagi barang Y.

Peratus perubahan harga	Pekali keanjalan harga penawaran
10	2.5

Jadual 6

Apakah kesan kenaikan harga tersebut ke atas kuantiti barang Y?

- A Bertambah sebanyak 4%
 - B Berkurang sebanyak 4%
 - C Bertambah sebanyak 25%
 - D Berkurang sebanyak 25%
- 21 Rajah 4 menunjukkan tiga keluk permintaan individu iaitu D_0 , D_1 dan D_2 .




Berapakah kuantiti permintaan pasaran pada tingkat harga RM12?

- A 30
- B 37
- C 40
- D 49

[Lihat sebelah


- 22 Rajah 5 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Apakah keadaan pasaran pada titik W?

- I Harga cenderung jatuh
 - II Harga cenderung meningkat
 - III Lebihan permintaan sebanyak 14 unit
 - IV Lebihan penawaran sebanyak 14 unit
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 23 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** menerangkan pasaran faktor?
- A Encik Lim membayar upah kepada pekerjaanya
 - B Encik Ahmad menyewa sebuah rumah sebagai pejabat
 - C Puan Rohani bekerja sebagai kerani di sebuah pasar raya
 - D Kim's Fashion mengeluarkan pakaian untuk kanak-kanak

- 24 Rajah 6 menunjukkan aliran wang dalam ekonomi dua sektor.



Rajah 6

Apakah aliran X?

- A Penawaran barang oleh firma
 - B Pendapatan kepada isi rumah
 - C Penawaran buruh oleh isi rumah
 - D Perbelanjaan penggunaan oleh isi rumah
- 25 Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri wang?
- I Mudah dibawa
 - II Nilai yang stabil
 - III Alat ukuran nilai
 - IV Alat bayaran tertunda
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan Encik Ramli.

Encik Ramli telah membeli sebuah komputer dengan harga RM3 000 secara tunai.

Apakah fungsi wang dalam situasi tersebut?

- A Alat pengukur nilai
- B Alat penyimpan nilai
- C Alat bayaran tertunda
- D Alat perantaraan pertukaran

[Lihat sebelah

- 27 Pernyataan berikut berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank Islam.

Membeli kereta yang dikhendaki oleh pelanggan dan menjual semula pada harga yang lebih tinggi daripada harga belian kepada pelanggan tersebut.

Apakah prinsip yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut?

- A Murabahah
- B Musyarakah
- C Mudharabah
- D Bai Bithaman Ajil

- 28 Antara yang berikut, yang manakah langkah bank pusat untuk mengawal kemelesetan ekonomi?

- I Menurunkan nisbah rizab tunai
 - II Menaikkan pinjaman maksimum
 - III Menaikkan peruntukan perbelanjaan pembangunan
 - IV Menurunkan kadar cukai pendapatan perseorangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 29 Antara yang berikut, yang manakah kesan peningkatan nisbah rizab berkanun ke atas bank perdagangan?

- A Pelaburan bank perdagangan bertambah
- B Pendapatan bank perdagangan bertambah
- C Simpanan bank perdagangan di bank pusat berkurang
- D Keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman berkurang

- 30 Belanjawan lebihan berlaku apabila

- A jumlah perbelanjaan kerajaan melebihi jumlah hasil kerajaan
- B jumlah perbelanjaan kerajaan kurang daripada jumlah hasil kerajaan
- C jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan melebihi jumlah hasil kerajaan
- D jumlah perbelanjaan pembangunan kerajaan melebihi jumlah hasil kerajaan

- 31 Jadual 7 menunjukkan jumlah hasil cukai kerajaan pada tahun 2007.

Hasil cukai	RM (juta)
Cukai pendapatan syarikat	32 149
Cukai eksais	8 990
Cukai perkhidmatan	3 013
Cukai pendapatan petroleum	20 453
Duti import	2 424
Cukai pendapatan perseorangan	11 661
Cukai eksport	2 322
Cukai jualan	6 642

Jadual 7

Berapakah jumlah hasil cukai tidak langsung kerajaan pada tahun tersebut?

- A RM20 378 juta
 B RM23 391 juta
 C RM43 844 juta
 D RM64 262 juta
- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi ekonomi.

Tingkat harga umum barang dan perkhidmatan telah meningkat secara menyeluruh dan berterusan.

Antara yang berikut, yang manakah tindakan kerajaan dapat mengawal situasi ekonomi tersebut?

- I Menaikkan perbelanjaan mengurus
 II Mengurangkan perbelanjaan pembangunan
 III Menaikkan kadar cukai pendapatan syarikat
 IV Mengurangkan kadar cukai pendapatan perseorangan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan dua sumber pinjaman kerajaan.

R	S
Menjual sekuriti kerajaan kepada KWSP.	Menjual bon di pasaran Tokyo.

Apakah kelebihan sumber pinjaman R berbanding dengan sumber pinjaman S?

- A Lebih banyak pinjaman diperoleh
 B Dapat memperbaiki imbalan pembayaran negara
 C Beban hutang berkurangan jika kadar pertukaran asing meningkat
 D Tidak melibatkan pengaliran keluar wang apabila hutang dibayar balik

[Lihat sebelah

- 34 Antara yang berikut, yang manakah dapat membaiki imbalan pembayaran Malaysia?
- Negara asing membeli sekuriti kerajaan Malaysia
 - Mempromosikan industri pelancongan di luar negara
 - Mengimport lebih banyak barang perantaraan dan barang pelaburan
 - Melonggarkan kemasukan pekerja asing dalam semua sektor ekonomi
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 35 Apakah bentuk sekatan perdagangan antarabangsa yang diberi kepada pengeluar tempatan untuk mengurangkan kos pengeluaran?
- Tarif
 - Kuota
 - Subsidi
 - Embargo
- 36 Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan sesebuah negara memerlukan mata wang asing?
- Membiayai import negara
 - Membiayai eksport negara
 - Membayar balik pinjaman dalam negara
 - Membiayai projek pembangunan negara
- 37 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (US\$) pada bulan Januari dan Februari 2009.

Januari	US\$1.00 = RM3.80
	↓
Februari	US\$1.00 = RM3.60

Apakah kesan perubahan kadar pertukaran tersebut ke atas jumlah eksport dan import Malaysia?

	Eksport ke Amerika Syarikat	Import dari Amerika Syarikat
A	Berkurang	Berkurang
B	Bertambah	Bertambah
C	Berkurang	Bertambah
D	Bertambah	Berkurang

Pilihan jawapan bagi Soalan 38 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 38 I Pelaburan dalam sumber manusia dikategorikan sebagai modal sosial.
 II Pulangan daripada pelaburan adalah dalam bentuk faedah.
- 39 I Bekalan dan perkhidmatan merupakan komponen perbelanjaan mengurus.
 II Perbelanjaan pembangunan bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.
- 40 I Perdagangan antarabangsa memudahkan mobiliti faktor pengeluaran.
 II Perdagangan antarabangsa menguntungkan negara sedang membangun berbanding dengan negara maju.

KERTAS SOALAN TAMAT

3757/2
Ekonomi Asas
Kertas 2
Sept. 2009
2 jam



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
 2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
 3. *Tulis jawapan anda dalam kertas tulis yang disediakan.*
 4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
 5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
 6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
 7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Bahagian A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.


- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Al-Amin Sdn. Bhd.

Syarikat Al-Amin Sdn. Bhd. berhasrat untuk mengeluarkan pakaian dan beg. Walau bagaimanapun syarikat tersebut menghadapi masalah ekonomi.

Terangkan cara Syarikat Al-Amin menyelesaikan masalah tersebut?

[5 markah]

- (b) Gambar 1 dan gambar 2 menunjukkan dua jenis barang dalam ekonomi.



Gambar 1



Gambar 2

Bezakan kedua-dua jenis barang tersebut.

[6 markah]

- (c) Gambar 3 menunjukkan perbualan tentang suatu sistem ekonomi di negara X.



Gambar 3

- (i) Apakah sistem ekonomi yang diamalkan di negara X? [1 markah]
- (ii) Terangkan penyelesaian masalah asas ekonomi di negara tersebut. [7 markah]
- (d) Jelaskan kemudahan pinjaman bank perdagangan yang berikut:
- (i) Overdraf [3 markah]
- (ii) Pinjaman persendirian [3 markah]

[Lihat sebelah

- 2 (a) Berikut adalah perbualan antara dua sahabat.

Hanif : Hai! Mir, lama tak jumpa. Buat apa sekarang?
 Amir : Saya menguruskan bengkel kereta di Taman Indah.
 Awak bagaimana?
 Hanif : Aku bekerja sebagai guru di Seremban. Kau nak ke mana?
 Amir : Ke pejabat pos, nak tambah simpanan dalam ASB.
 Hanif : Aku juga. Jent, kita pergi bersama.

Terangkan jenis pendapatan yang diterima oleh mereka.

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Lokman dalam setahun.

BUTIR	RM	RM
Pendapatan		38 400
Bayaran rawatan pesakit		1 800
Bayaran zakat		150
Caruman KWSP		11%
Pelepasan cukai yang dihenarkan		
Diri sendiri	8 000	
Isteri	3 000	
Anak	1 000 seorang	
Caruman KWSP untuk premium insurans nyawa	Maksimum 6 000	
Pembatan ibarat cukai	Maksimum 6 000	
Maklumat Tambahan		
Seorang duda dan mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah		

Hitungkan pendapatan bersih Encik Lokman.

[7 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Anum.

Puan Anum ialah seorang kerani kanan di sebuah syarikat.
 Setiap bulan, beliau menyimpan 20 peratus daripada pendapatannya di Bank Raya.

Terangkan tujuan Puan Anum berbuat demikian?

[6 markah]

- (d) Petikan akhbar berikut berkaitan dengan satu situasi ekonomi di Malaysia.

Dalam krisis ekonomi sekarang, pekerja syarikat dan kilang akan diberhentikan kerja apabila permintaan Amerika Syarikat ke atas produk Malaysia semakin mengecil.

Sumber : Ubahsuai Utusan Malaysia 10 Disember 2008

Jelaskan tindakan bank pusat melalui kadar faedah dan syarat sewa beli untuk mengatasi situasi ekonomi tersebut.

[6 markah]

- 3 (a) Jadual 1 menunjukkan permintaan kereta pada bulan Februari dan April 2009.


Harga (RM)	Februari (unit)	April (unit)
54 000	5 600	4 200

Jadual 1

Terangkan **tiga** faktor yang menyebabkan perubahan tersebut.

[6 markah]

- (b) Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan bagi barang S.



- (i) Hitungkan keanjalan harga permintaan barang S apabila harga meningkat daripada RM15 kepada RM25. [2 markah]
- (ii) Tafsirkan pekali keanjalan harga permintaan tersebut. [3 markah]

[Lihat sebelah]

(c) Jadual 2 menunjukkan hasil kerajaan persekutuan pada tahun 2007.


Butiran	RM (juta)
Cukai pendapatan (perseorangan & syarikat)	31 356
Cukai pendapatan petroleum	17 694
Duti setem	2 081
Pendapatan pelaburan	24 371
Duti import	3 513
Cukai perkhidmatan	2 450
Lesen / permit	8 144
Duti eksais	9 045

Sumber : *Uphsual Laporan Ekonomi 2008*

Jadual 2

- (i) Hitungkan cukai langsung pada tahun tersebut. [4 markah]
- (ii) Bezakan cukai langsung dengan cukai tidak langsung. [4 markah]
- (d) Terangkan **tiga** sumber pinjaman kerajaan dalam negeri. [6 markah]

- 4 (a) Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran bagi suatu barang.



Terangkan **tiga** faktor yang menyebabkan peralihan keluk tersebut. [6 markah]

- (b) Jadual 3 menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran bagi barang X pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)	
	Diminta	Ditawar
2	40	10
4	30	30
6	20	40

Jadual 3

- (i) Dengan menggunakan skala 2 cm : 2 unit pada paksi harga dan 2 cm : 10 unit pada paksi kuantiti, lukiskan rajah keseimbangan pasaran bagi barang X. [4 markah]
- (ii) Jelaskan keadaan pasaran pada tingkat harga RM6. [2 markah]
- (c) Jadual 4 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Sut (RM)
0	100	-	-
2	280	X	90
4	440	110	Y
6	Z	90	50
8	660	82.5	60
10	850	85	95

Jadual 4

- (i) Berapakah X, Y dan Z? [3 markah]
- (ii) Jelaskan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos purata dan kos sut. [4 markah]
- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.

Encik Amin seorang pengusaha kedai buku dan peralatan sekolah. Beliau dibantu oleh Encik Rashid, sebagai jurujual. Encik Rashid dibayar gaji sebanyak RM850 sebulan. Dia membeli buku rujukan untuk anaknya berjumlah RM45 dari kedai Encik Amin.

- Lakarkan rajah aliran pusingan pendapatan tersebut. [6 markah]

[Lihat sebelah]

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Evergreen Sdn. Bhd.

Syarikat Evergreen Sdn. Bhd. telah memasarkan produknya ke Johor dan Jepun. Pengurusnya mendapati cara urus niaga dengan kedua-dua destinasi tersebut berbeza dari aspek mata wang dan kebudayaan.

Jelaskan **tiga** perbezaan lain yang dihadapi oleh syarikat tersebut.

[6 markah]

- (b) Jadual 5 menunjukkan imbalan pembayaran negara W dalam tempoh satu tahun.

Butiran	RM (juta)
Eksport kereta	500
Perjalanan	-80
Import jentera	450
Keuntungan pelaburan	-60
Pampasan pekerja	-20
Eksport sawit	600
Pelaburan langsung	-40
Import barang perantaraan	370
Pindahan bersih	-20
Urus niaga kerajaan	-120

Jadual 5

Hitungkan imbalan akaun semasa.

[8 markah]

- (c) Jelaskan sebab sesebuah negara memerlukan pertukaran asing.

[4 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran asing bagi setiap Ringgit Malaysia berbanding Dolar Singapura pada Disember 2008 dan April 2009.

Tahun	Dolar Singapura (S\$)
Disember 2008	0.53
April 2009	0.42

Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran tersebut ke atas imbalan dagangan Malaysia.

[7 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 6 En Safuan bekerja di sebuah syarikat swasta sebagai akauntan. Beliau menerima gaji sebanyak RM15 000 sebulan dengan beberapa faedah sampingan yang lain. Beliau telah meletakkan jawatan di syarikat tersebut setelah berkhidmat selama 7 tahun. Beliau telah membuka sebuah syarikat mengeluarkan perabot iaitu Syarikat BestWood dengan bermadankan wang simpanan sebanyak RM300 000. Perabot Syarikat BestWood mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan kerana keunikan reka bentuknya.

Selepas dua tahun beroperasi, Syarikat BestWood bercadang untuk membuka cawangan baru tetapi menghadapi masalah kewangan. Syarikat bercadang untuk mendapat pinjaman daripada beberapa institusi kewangan. Syarikat BestWood telah berjaya mendapatkan pinjaman daripada salah sebuah bank perdagangan. Wang pinjaman tersebut digunakan untuk membuat pelaburan di samping mengadakan kursus dan latihan kemahiran kepada pekerja-pekerja syarikat. Pelaburan tersebut telah meningkatkan produktiviti dan pengeluaran syarikat. Peningkatan dalam penawaran telah berjaya memenuhi permintaan pasaran tempatan yang semakin meningkat. Hal ini menyebabkan keuntungan Syarikat BestWood meningkat sebanyak 30 peratus. Kejayaan ini telah mendorong syarikat meluaskan pasaran ke luar negara.

Syarikat BestWood telah berjaya mendapat tender perabot bernilai RM200 000 ke negara Pakistan. Urusan penghantaran perabot dibuat secara berperingkat-peringkat. Hantaran pertama syarikat telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual tetapi hantaran kedua menghadapi masalah. Berikutan krisis ekonomi yang melanda dunia, impaknya turut dirasai oleh Pakistan yang telah meminta penangguhan ke atas bayaran untuk hantaran yang pertama. Syarikat BestWood terpaksa membatalkan hantaran yang kedua bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar. Pembatalan hantaran kedua dan kejatuhan permintaan pasaran tempatan telah menyebabkan stok syarikat bertambah. Sehubungan itu, Syarikat BestWood mengalami kerugian teruk dan seterusnya mengambil tindakan mengecilkan operasi dengan memberhentikan pekerja-pekerjanya. Tindakan tersebut telah melahirkan kebimbangan di kalangan pekerja dan syarikat tempatan. Justeru itu, kedua-dua pihak yang diwakili oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan Peniaga Malaysia telah menghantar satu memorandum kepada kerajaan untuk membantu mengatasi masalah tersebut.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Huraikan sumber pendapatan Encik Safuan. [6 markah]
- (b) Huraikan jenis pinjaman yang sesuai untuk Syarikat BestWood. [4 markah]
- (c) Terangkan **tiga** bentuk pelaburan lain yang telah dilakukan oleh syarikat tersebut. [6 markah]
- (d) (i) Bagaimanakah kerajaan melalui belanjawan negara membantu memulihkan keadaan ekonomi tersebut? [4 markah]
(ii) Jelaskan kesan tindakan kerajaan tersebut kepada pengguna dan pengeluar. [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN KERTAS 1 (3757/1)

1	D	11	D	21	C	31	B
2	D	12	A	22	C	32	C
3	C	13	C	23	D	33	D
4	B	14	B	24	B	34	A
5	D	15	C	25	A	35	C
6	B	16	B	26	D	36	A
7	B	17	C	27	A	37	C
8	C	18	D	28	A	38	A
9	D	19	D	29	D	39	D
10	C	20	C	30	B	40	C

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan		Markah	Jumlah markah		
1	(a)	F1	Kekurangan	1	mak 5	
		H1	Faktor pengeluaran / sumber ekonomi / contoh	1		
		F2	Pilihan	1		
		H2	Output yang memaksimumkan keuntungan / minimum kos / kaedah paling cekap	1		
		F3	Kos lepas	1		
		H3	Output kedua terbaik yang dilepaskan / pakaian / beg	1		
	(b)		Gambar 1	Gambar 2		6
		H1	Barang awam	Barang ekonomi	1 + 1	
		H2	Disediakan oleh kerajaan	Dikeluarkan oleh firma / swasta	1 + 1	
		H3	Tidak perlu dibayar	Perlu dibayar	1 + 1	
		H4	Tiada pengecualian penggunaan	Terdapat pengecualian penggunaan	1 + 1	
			Mana-mana 3 X 2			
	(c)				1	
	(i)	Sistem Ekonomi Islam		1		
	(ii)	F1	Apa yang hendak dikeluarkan		1	mak 7
		H1	Berdasarkan permintaan masyarakat yang tidak bertentangan dengan hukum Islam		1	
		F2	Berapa yang hendak dikeluarkan		1	
H2		Ditentukan oleh kuasa pasaran / mekanisme harga / permintaan dan penawaran berlandaskan prinsip Islam		1		
F3		Bagaimana hendak dikeluarkan		1		
H3		Untung maksimum / kos minimum / kaedah pengeluaran paling cekap selaras dengan prinsip Islam		1		
F4		Untuk siapa dikeluarkan		1		
H4		Ditentukan oleh kuasa beli / agihan pendapatan dengan campur tangan kerajaan melalui zakat		1		

SULIT

4

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan		Markah	Jumlah markah
1 (d)		Overdraf		
(i)	H1	Pinjaman jangka pendek	1	mak 3
	H2	Diberikan kepada pemegang akaun semasa	1	
	H3	Mengeluarkan wang melebihi jumlah deposit	1	
	H4	Faedah berdasarkan jumlah wang / bilangan hari yang digunakan	1	
(ii)		Pinjaman persendirian		
	H1	Pinjaman jangka pendek	1	mak 3
	H2	Diberikan kepada pelanggan bank	1	
	H3	Tidak memerlukan cagaran	1	
	H4	Bayaran balik dibuat secara ansuran bulanan	1	
	H5	Faedah dikenakan ke atas jumlah pinjaman	1	
2 (a)	F1	Untung	1	6
	H1	Ganjaran kepada usahawan / sanggup menanggung risiko	1	
	F2	Upah / gaji	1	
	H2	Ganjaran kepada buruh / menyumbangkan tenaga fizikal / mental dalam proses pengeluaran	1	
	F3	Dividen	1	
	H3	Ganjaran kepada pemilik saham amanah / ASB	1	
(b)		Butir		
		RM		
		Pendapatan tahunan	38 400	1
		Tolak pelepasan cukai:		
		Diri sendiri	8 000	1
		Anak (RM1000 X 3)	3 000	1
		KWSP (11% X RM38 400)	4 224	1
		Rawatan ibu	1 800	1
		Jumlah pelepasan	17 024	1
		Pendapatan boleh cukai	21 376	1

SULIT

5

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
2 (c)	F1 Awasan / kecemasan	1	6
	H1 Menampung perbelanjaan pada masa kecemasan / sakit / kematian / risiko luar jangka	1	
	F2 Pendidikan	1	
	H2 Pembayaran yuran / buku / penginapan	1	
	F3 Mendapatkan pulangan / ganjaran	1	
	H3 Menerima faedah jika simpan di bank konvensional / menerima dividen jika simpan di unit amanah / sistem perbankan Islam	1	
	F4 Membeli barang tahan lama	1	
	H4 Kenderaan / contoh	1	
	F5 Tujuan lain	1	
	H5 Menunaikan fardhu haji / melancong / contoh lain	1	
<i>mana-mana 3 X 2</i>			
(d)	H1 Turunkan kadar faedah	1	6
	H2 Kos pinjaman turun	1	
	H3 Pinjaman meningkat	1	
	H4 Permintaan meningkat	1	
		mak 3	
	H1 Longgarkan syarat sewa beli	1	
	H2 Menaikkan jumlah pinjaman maksimum / kurangkan bayaran pendahuluan	1	
	H3 Ppanjangkan tempoh bayaran balik	1	
	H4 Pinjaman untuk membeli barang tahan lama meningkat	1	
		mak 3	

SULIT

6

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
3 (a)	F1 Harga barang lain H1 Harga barang pengganti lebih rendah / Harga barang penggenap lebih tinggi / contoh F2 Cita rasa pengguna H2 Tidak gemar model/reka bentuk kereta / iklan tidak berjaya F3 Pendapatan / pendapatan boleh guna individu H3 Pendapatan / pendapatan boleh guna individu merosot F4 Dasar kerajaan H4 Meningkatkan kadar cukai pendapatan perseorangan F5 Jangkaan harga pada masa hadapan H5 Menjangkakan harga turun pada masa hadapan, permintaan pada masa kini meningkat <i>Mana-mana 3 X 2</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1	6
(b)			
(i)	$\begin{aligned} \text{Keanjalan barang S} &= \frac{120 - 210}{210} \times \frac{15}{25 - 15} \\ &= -0.64 \\ &= 0.64 \end{aligned}$	1 1	2
(ii)	Tidak anjal Pekali keanjalan kurang daripada satu ($E_d < 1$) Kenaikan harga 1% menyebabkan kuantiti barang S diminta berkurangan sebanyak 0.64% / peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti diminta.	1 1 1	3

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan			Markah	Jumlah markah	
3 (c)	(i)	Cukai Langsung		RM(juta)		4
		Cukai pendapatan		31356	1	
		Cukai pendapatan petroleum		17694	1	
		Duti setem		2081	1	
		Jumlah Cukai langsung		51131	1	
	Nota : Tanpa RM juta 0 markah					
	(ii)	Cukai langsung	Cukai tidak langsung			4
		H1	Dikenakan ke atas pendapatan/harta	Dikenakan ke atas barang / perkhidmatan	1 + 1	
		H2	Beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain	Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain	1 + 1	
		H3	Dikenakan sekali setahun	Dikenakan ke atas setiap urusniaga	1 + 1	
		mana-mana 2 X 2				
(d)	F1	Sekuriti kerajaan / surat jaminan kerajaan		1	6	
	H1	Pinjaman jangka panjang /dijual pada harga muka / dibayar faedah		1		
	F2	Bil perbendaharaan		1		
	H2	Pinjaman jangka pendek / dijual pada harga diskaun/ dibeli pada harga muka		1		
	F3	Sijil pelaburan		1		
	H3	Pinjaman jangka panjang / dijual kepada institusi kewangan Islam / dibayar dividen		1		

SULIT

8

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
4 (a)	F1 Harga barang lain H1 Apabila harga barang pengganti jatuh, penawaran barang itu akan bertambah F2 Harga faktor pengeluaran H2 Apabila harga faktor pengeluaran jatuh, penawaran barang itu akan bertambah F3 Jangkaan harga pada masa hadapan H3 Apabila harga dijangka jatuh pada masa hadapan, penawaran barang itu akan bertambah sekarang F4 Dasar kerajaan H4 Kerajaan menurunkan kadar cukai jualan / memberi subsidi, penawaran barang itu akan bertambah F5 Matlamat pengeluar H5 Bertujuan untuk menguasai pasaran / memaksimumkan output F6 Tingkat teknologi H6 Penggunaan teknologi moden akan meningkatkan penawaran barang Mana-mana 3 X 2	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	6
4 (b)	(i) Paksi harga lengkap dengan RM Paksi kuantiti lengkap dengan unit Tanpa titik origin, paksi harga dan paksi kuantiti label keluk SS label keluk DD	1 1 0 1 1	4

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
4 (b)			
(ii)	H1 Berlaku lebihan penawaran	1	mak 2
	H2 Sebanyak 20 unit	1	
	H3 Harga akan jatuh	1	
(c)			
(i)	X 140	1	3
	Y 80	1	
	Z 540	1	
(c)			
(ii)	<u>Pada jumlah keluaran 0-6 unit</u>		mak 4
	Kos purata menurun	1	
	Kos sut menurun	1	
	Kos sut minimum pada keluaran ke 6	1	
	<u>Pada jumlah keluaran 6-8 unit</u>		
	Kos purata menurun	1	
	Kos sut meningkat	1	
	Kos purata minimum pada keluaran ke 8	1	
	<u>Pada jumlah keluaran 8-10 unit</u>		
	Kos purata meningkat	1	
	Kos sut meningkat	1	

SULIT

10

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan		Markah	Jumlah markah																				
4	(d)	Petunjuk : Aliran Fizikal Aliran Wang a- penawaran buku/peralatan sekolah b- bekerja sebagai jurujual c - pembayaran upah RM850 d- pembelian buku / RM45	1 + 1 1 1 1 1	mak 6																				
5 (a)	<table><tr><th></th><th>Perdagangan dalam negeri</th><th>Perdagangan antarabangsa</th></tr><tr><td>H1</td><td>Dalam sempadan sebuah negara</td><td>Di luar sempadan sebuah negara</td></tr><tr><td>H2</td><td>Jarak yang dekat / kos pengangkutan lebih rendah</td><td>Jarak yang jauh / kos pengangkutan yang tinggi</td></tr><tr><td>H3</td><td>Dokumen kurang / contoh</td><td>Dokumen banyak / contoh</td></tr><tr><td>H4</td><td>Pasaran terhad / terbatas</td><td>Pasaran lebih luas</td></tr><tr><td>H5</td><td>Guna sukatan dan timbangan yang sama /sistem metrik</td><td>Guna sukatan dan timbangan yang berbeza / sistem emperial</td></tr><tr><td>H6</td><td>Mobiliti faktor pengeluaran bebas</td><td>Mobiliti faktor pengeluaran kurang bebas</td></tr></table> Mana-mana 3 $H_a + 3 H_b \times 1m$		Perdagangan dalam negeri		Perdagangan antarabangsa	H1	Dalam sempadan sebuah negara	Di luar sempadan sebuah negara	H2	Jarak yang dekat / kos pengangkutan lebih rendah	Jarak yang jauh / kos pengangkutan yang tinggi	H3	Dokumen kurang / contoh	Dokumen banyak / contoh	H4	Pasaran terhad / terbatas	Pasaran lebih luas	H5	Guna sukatan dan timbangan yang sama /sistem metrik	Guna sukatan dan timbangan yang berbeza / sistem emperial	H6	Mobiliti faktor pengeluaran bebas	Mobiliti faktor pengeluaran kurang bebas	1 + 1 1 + 1 1 + 1 1 + 1 1 + 1
	Perdagangan dalam negeri	Perdagangan antarabangsa																						
H1	Dalam sempadan sebuah negara	Di luar sempadan sebuah negara																						
H2	Jarak yang dekat / kos pengangkutan lebih rendah	Jarak yang jauh / kos pengangkutan yang tinggi																						
H3	Dokumen kurang / contoh	Dokumen banyak / contoh																						
H4	Pasaran terhad / terbatas	Pasaran lebih luas																						
H5	Guna sukatan dan timbangan yang sama /sistem metrik	Guna sukatan dan timbangan yang berbeza / sistem emperial																						
H6	Mobiliti faktor pengeluaran bebas	Mobiliti faktor pengeluaran kurang bebas																						

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
(b)	<u>Imbangan akaun dagangan</u> = nilai eksport barang nampak - nilai import barang nampak / (eksport kereta + eksport sawit) - (import jentera + import barang perantaraan) / = (RM500j + RM600j) - (RM450j + 370j) / (RM1100j - RM820j) = RM280j <u>Imbangan akaun perkhidmatan</u> = nilai eksport perkhidmatan - nilai import perkhidmatan / (Perjalanan) + (Urus niaga kerajaan) / = (-RM80j) + (-RM120j) / = -RM200j <u>Imbangan akaun pendapatan</u> = nilai penerimaan akaun pendapatan - nilai pembayaran akaun pendapatan / (keuntungan pelaburan) + (pampasan pekerja) / = -RM60j - RM20j = -RM80j RM (juta) Imbangan akaun dagangan 280 Imbangan akaun perkhidmatan -200 Imbangan akaun pendapatan -80 Pindahan bersih -20 Imbangan akaun semasa: -20 <i>Nota : Tanpa RM juta - 0 markah</i> <i>Diterima jika ada RM juta walaupun sekali sahaja</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1	8
(c)	H1 Membiayai import / contoh H2 Membayar balik hutang luar negara / contoh H3 Membuat pelaburan ke luar negara / contoh H4 Mempertahankan nilai mata wang negara / mengawal kestabilan nilai mata wang	1 1 1 1	4

SULIT

12

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
5 (d)	H1 Nilai RM jatuh / kadar pertukaran RM jatuh	1	mak 7
	H2 Harga barang eksport ke Singapura murah	1	
	H3 Permintaan eksport bertambah / jumlah eksport naik	1	
	H4 Nilai eksport bertambah	1	
	H5 Harga barang import dari Singapura mahal	1	
	H6 Permintaan import berkurang / jumlah import berkurang	1	
	H7 Nilai import jatuh	1	
	H8 Imbangan dagangan bertambah baik / cenderung menjadi positif	1	
6 (a)	F1 Bekerja sendiri	1	6
	H1a Membuka perniagaan / Syarikat BestWood	1	
	H1b Dapat untung	1	
	F2 Bekerja dengan orang lain	1	
	H2a Bekerja di syarikat swasta / akauntan	1	
	H2b Dapat upah	1	
(b)	F1 Pinjaman bercagar	1	mak 4
	H1 Pinjaman jangka panjang	1	
	H2 Memerlukan cagaran / geran tanah / rumah / sijil saham / polisi insurans nyawa	1	
	H3 Dikenakan faedah atas jumlah pinjaman	1	
	H4 Bayaran dibuat secara ansuran bulanan	1	
(c)	F1 Pembelian aset tetap / contoh	1	6
	H1 Untuk dijual / disewakan	1	
	F2 Pembelian stok modal / contoh	1	
	H2 Pengeluaran akan bertambah	1	
	F3 Pembelian stok / barang niaga	1	
	H3 Melicinkan perniagaan / memenuhi pertambahan permintaan	1	

SULIT

13

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 (3757/2)

Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah markah
6 (d)			
(i)			
H1a	Menurunkan kadar cukai	1	
H1b	Menurunkan kadar cukai pendapatan perseorangan / cukai pendapatan syarikat	1	
			4
H2a	Meningkatkan perbelanjaan kerajaan	1	
H2b	Meningkatkan perbelanjaan pembangunan	1	
(ii)			
	Pegguna		
H1	Pendapatan boleh guna / kuasa beli meningkat	1	
H2	Permintaan meningkat	1	
H3	Taraf hidup meningkat	1	
	Pengeluar		
H1	Keuntungan meningkat	1	
H2	Pelaburan meningkat	1	
H3	Pengeluaran / penawaran meningkat	1	
			mak 5

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT